

VariaOleh **SITI SARAH NURUL LIYANA**

BARU-BARU ini, Rumah Bakti Dato' Harun (RBDH) telah menganjurkan Hari Dusun Komuniti RBDH 2.0 di pusat kebajikan tersebut di Hulu Klang, Selangor.

Hari Dusun Komuniti RBDH 2.0 adalah penganjuran kali kedua selepas lapan tahun Dusun Komuniti RBDH diwujudkan pada 2017.

Program tersebut bertujuan melibatkan anak-anak di RBDH dalam aktiviti pertanian, membantu mereka mengenali tanaman nadir dan tradisional serta menanamkan konsep sayangkan alam sekitar.

Ia juga bagi meraikan sumbangan penghuni rumah kebajikan itu dalam menjaga dusun, menghargai sumbangan penaja dan memperkenalkan projek itu kepada komuniti setempat serta pihak luar.

Program itu diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Tengku Syarif Laksamana Perlis, Datuk Seri Diraja Syed Razlan Putra ibni Tuan Syed Putra Jamalullail.

Upacara penanaman rambutan tanpa biji pula disempurnakan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Weststar Group, Tan Sri Dr. Syed Azman Syed Ibrahim.

Program itu turut melibatkan kerjasama kumpulan akademik daripada Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Kasetsart University dari Vietnam, Can Tho University (Thailand) dan Yayasan Durian Nusantara (Indonesia).

Pengerusi RBDH, Datuk Mohd. Fahmi Ibrahim berkata, pihaknya menubuhkan Jawatankuasa Dusun Komuniti dan Pengurusan Kawasan dengan memulakan beberapa tanaman seperti durian, rambutan, manggis dan cempedak.

"Kami ingin memperkenalkan kepada anak-anak ini dengan pengalaman sebenar dalam bidang pertanian supaya jiwa mereka



BEBERAPA hadirin tertarik dengan pameran varieti dan spesies durian.



PENGUNJUNG teruja melihat varieti buah tempatan.

Pupuk minat bertani dalam kalangan anak yatim

dekat dengan alam dan dunia pertanian.

"Inisiatif ini diharap dapat menarik minat mereka untuk kembali menghargai alam semula jadi," katanya ketika ditemui pada Hari Dusun Komuniti RBDH 2.0.

Antara pengisian program itu termasuk pameran varieti dan spesies durian, pameran buah-buahan nadir tempatan, pameran tanaman ulam-ulaman dan perencah masakan, demonstrasi teknik rawatan kebun durian serta lawatan ke Dusun Komuniti RBDH.

Untuk makluman, Dusun Komuniti RBDH yang terletak di dalam bandar itu melibatkan usaha para penghuni rumah kebajikan iaitu anak-anak yatim.

Kawasan seluas 0.6 hektar itu dijadikan tapak pertanian dengan diketuai oleh bekas pensyarah UPM, Dr. Abdul Aziz Zakaria serta

seorang pakar durian yang menyumbang tenaga dan ilmu.

Menurut Mohd. Fahmi, kawasan itu ditanam sebanyak 40 batang pokok durian musang king dan D24, selain pokok manggis serta cempedak.

"Kita latih anak-anak ini dari peringkat awal untuk mendalami asas-asas pertanian seperti membersihkan kebun, membaja pokok buah dan menyiram tanaman.

"Ini bagi memupuk minat mereka dalam pertanian secara semula jadi," ujarnya.

Untuk rekod, RBDH telah beroperasi sejak

49 tahun lalu sebagai institusi kebajikan dan pendidikan khas kepada anak-anak yatim di Selangor.

Rumah kebajikan itu dibina di atas tanah seluas 1.8 hektar hasil inisiatif bekas Menteri Besar Selangor iaitu Allahyarham Datuk

Harun Idris, sebelum dirasmikan pada 1977 oleh Sultan Selangor, Almarhum DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj.

"Kami membuka peluang kepada anak-anak yatim dari seluruh negara untuk mendapatkan pendidikan dan penjagaan lebih baik tanpa sebarang bayaran di sini.

"Syaratnya mudah, anak-anak ini hanya perlu memenuhi kriteria asnaf yatim dan keluarga dalam kesempitan.

"Anak-anak yang diterima akan disekolahkan di institusi pendidikan berhampiran. Segala keperluan asas mereka seperti tempat tinggal, makan minum dan perbelanjaan persekolahan ditanggung sepenuhnya oleh rumah kebajikan," ujar Mohd. Fahmi.



SYED RAZLAN (tengah) melakukan gimik perasmian dengan menyiram anak pokok rambutan 'seedless' ketika Hari Dusun Komuniti RBDH 2.0 di Rumah Bakti Dato' Harun, Hulu Klang, Selangor baru-baru ini. **AMIR HALEK**